

**D.R. 2/95**

**Naskhah Sahih—Bahasa Inggeris**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*bernama*

Suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

**1.** Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) 1995. Tajuk ringkas.

**2.** Jadual Kelapan Perlembagaan Persekutuan adalah dipinda— Pindaan Jadual Kelapan.

(a) dalam BAHAGIAN I—

(i) dalam perenggan 2(2)(b), dengan menggantikan perkataan "lapan" dengan perkataan "sepuluh";

(ii) dengan menggantikan subseksyen 10(1) dan (2) dengan subseksyen yang berikut:

" (1) Dewan Undangan hendaklah dari semasa ke semasa memilih mana-mana orang yang ditentukan oleh Dewan sebagai Yang Dipertua, dan tidaklah boleh menjalankan apa-apa urusan semasa jawatan Yang Dipertua kosong selain daripada pemilihan Yang Dipertua.

(1A) Seseorang tidak boleh dipilih menjadi Yang Dipertua melainkan jika dia menjadi ahli atau layak menjadi ahli Dewan Undangan.

(1B) Mana-mana orang yang bukannya ahli Dewan Undangan yang dipilih sebagai Yang Dipertua—

- (a) hendaklah, sebelum menjalankan tugas-tugas jawatannya, mengangkat dan menandatangani di hadapan Dewan sumpah jawatan; dan
- (b) hendaklah, oleh sebab dia memegang jawatannya itu, menjadi ahli Dewan sebagai tambahan kepada ahli-ahli yang dipilih ke Dewan:

Dengan syarat bahawa perenggan (b) tidaklah mempunyai kuatkuasa bagi maksud peruntukan seksyen 2 dan tiada seorang pun berhak, menurut kuasa perenggan itu, mengundi atas apa-apa perkara di hadapan Dewan.

(2) Yang Dipertua boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dan hendaklah mengosongkan jawatannya—

- (a) apabila Dewan Undangan bermesyuarat bagi pertama kalinya selepas suatu pilihan raya umum;
- (b) apabila dia terhenti menjadi ahli Dewan melainkan oleh sebab pembubarannya atau, jika dia menjadi ahli semata-mata menurut kuasa perenggan (b) subseksyen (1B), apabila dia terhenti berkelayakan menjadi ahli;

- (c) apabila telah menjadi hilang kelayakan di bawah subseksyen (4); atau
  - (d) jika pada bila-bila masa, Dewan membuat ketetapan sedemikian."; dan
- (iii) dengan memotong perkataan "lain" dalam subseksyen 10(3);
- (b) dalam BAHAGIAN II, dengan menggantikan perkataan "lapan" dalam perenggan 20(2)(b) dengan perkataan "sepuluh"; dan
- (c) dalam BAHAGIAN III—
- (i) dalam subseksyen 23(1), dengan memotong perkataan "kecuali seksyen 10 yang diubahsuai seperti yang dinyatakan dalam subseksyen (2) seksyen ini";
  - (ii) dengan menomborkan semula subseksyen 23(1) sebagai seksyen 23; dan
  - (iii) dengan memotong subseksyen 23(2).

## HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Jadual Kelapan Perlembagaan Persekutuan.

2. *Fasal 2* Rang Undang-Undang bertujuan meminda perenggan 2(2)(b) BAHAGIAN I Jadual Kelapan untuk mengadakan peruntukan bagi menambah komposisi ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan daripada lapan kepada sepuluh. Suatu pindaan juga dibuat kepada seksyen 10 bagi membolehkan Dewan Undangan sesuatu Negeri memilih seorang Yang Dipertua sama ada daripada kalangan ahli yang dipilih, atau daripada kalangan orang yang layak dipilih sebagai ahli Dewan Undangan tetapi bukanlah ahli Dewan. Pindaan ini turut mengadakan peruntukan berhubungan dengan pengosongan jawatan Yang Dipertua. Sebagai tambahan suatu pindaan yang serupa dengan pindaan kepada

perenggan 2(2)(b) juga dibuat dalam perenggan 20(2)(b) BAHAGIAN II yang mengandungi peruntukan alternatif bagi BAHAGIAN I. Pindaan kepada seksyen 23 berbangkit daripada pindaan yang dibuat kepada seksyen 10.

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang ini.  
[PN. (U<sup>2</sup>) 1882.]